

13/11/2003

Pekan Rabu, Langkawi cuba pikat Pak Lah

Norbakti Alias

PEKAN Rabu dan Pulau Langkawi, dua nama yang cukup sinonim dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kini terasa `kehilangan' berikutan persaraan tokoh yang selama ini banyak membantu mereka.

Persaraan Dr Mahathir akhir bulan lalu banyak meninggalkan tanda tanya kepada mereka di Kompleks Pekan Rabu dan Langkawi, mengenai masa depan dan hala tuju mereka.

Langkawi umpamanya, pasti tertunggu-tunggu sama ada pengganti Dr Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengikut jejaknya yang selalu turun ke pulau pelancongan itu bagi meninjau kemajuan pembangunannya.

Tidak hairanlah jika penduduk, terutamanya peniaga cukup bimbang pulau itu akan menjadi seperti `anak ayam kehilangan ibu' kerana Dr Mahathir adalah tonggak utama dalam menggerakkan ekonomi di pulau legenda itu.

Ketika ini, penduduk sudah meletakkan harapan tinggi kepada Pak Lah untuk singgah ke pulau itu bagi menunjukkan komitmen Perdana Menteri baru itu dalam memastikan Langkawi terus unggul sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Malah, tidak kurang ada yang berharap Pak Lah untuk singgah sekurang-kurangnya sebulan sekali, seperti yang dilakukan Dr Mahathir.

Harapan sama juga pasti dikongsi peniaga di Pekan Rabu yang selama ini banyak dibantu oleh Dr Mahathir dalam `mempromosikan' kompleks perniagaan Bumiputera itu.

Sentuhan peribadi Dr Mahathir ke atas Pekan Rabu yang menjadi pentas pengenalan dunia perniagaan kepadanya, membolehkan kompleks itu diperbesarkan dan menjadi antara tarikan utama pengunjung ke Alor Star.

Semua orang tahu Dr Mahathir mempunyai nostalgia di kedua-dua tempat itu yang mana Pekan Rabu menjadi tempat beliau berniaga ketika zaman penjajahan Jepun, manakala beliau pernah bertugas sebagai doktor di Langkawi.

Tidak salah jika warga Pekan Rabu dan Langkawi mengharapkan Pak Lah untuk mengikut jejak Dr Mahathir dalam mengangkat martabat kedua-dua tempat itu.

Namun, pada masa sama warga kedua-dua tempat itu juga perlu berusaha memajukan diri sendiri atas titik peluh sendiri tanpa terus dengan sindrom kebergantungan.

Dr Mahathir sudah membuka laluan yang baik dan kini masanya untuk warga di situ bertindak bijak menggunakan peluang yang tersedia bagi mengubah nasib mereka sendiri.

Pastinya Dr Mahathir sendiri akan kecewa jika laluan yang diberikan gagal dipergunakan sepenuhnya. Acuan yang disediakan Dr Mahathir akan menjadi sia-sia jika warga Pekan Rabu dan Langkawi gagal mengisinya dengan hasil kudrat sendiri.

Mengharapkan Pak Lah untuk selalu singgah di kedua-dua lokasi itu walaupun bukan mustahil tetapi boleh dikira keterlaluan, lebih-lebih lagi beliau sendiri mempunyai kawasan Parlimen yang diwakilinya, yang pengundinya turut meletakkan harapan sedemikian.

Sungguhpun pembangunan di situ, khususnya di Langkawi akan terus diberi perhatian, ramai pemerhati politik berpendapat Pak Lah pastinya mahu lari daripada bayangan Dr Mahathir, untuk mencipta imejnya sendiri.

Jadi, wajarlah warga kedua-dua lokasi itu mengambil sikap proaktif untuk memajukan diri sendiri bagi terus membuktikan perancangan Dr Mahathir

untuk mereka, tidak sia-sia sambil memikat Pak Lah dengan kejayaan hasil usaha sendiri.